

U B621 DEB
MAHATHIR - MUZAKARAH R R R

KANGAR, 24 FEB (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI UMNO AKAN MENGAMBIL TINDAKAN YANG PERLU UNTUK MENGADAKAN MUZAKARAH DENGAN PAS.

+TETAPI TIDAK PAYAHLAH UMNO MENYATAKAN APAKAH TINDAKAN ITU KERANA TAKUT CADANGAN MUZAKARAH ITU JADI SATU PERISTIWA POLITIK SAHAJA,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMATKAN LAWATAN RASMI DUA HARI KE NEGERI INI DAN TELAH MENINJAU PERSEDIAAN BARISAN NASIONAL NEGERI MENGHADAPI PILIHAN RAYA SERTA DARIPADA SEGI KEMAJUAN NEGERI INI.

KETIKA DITANYA MENGENAI USAHA MENGADAKAN MUZAKARAH ITU SUDAH DIADAKAN ATAU BELUM, BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, PEMIMPIN KEDUA-DUA PIHAK SEDANG BERUSAHA MENJAYAKANNYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA UMNO TIDAK MAHU CADANGAN PERBINCANGAN ITU HANYA MENJADI SATU PERISTIWA POLITIK SAHAJA, KERANA UMNO MAHU BERUSAHA MERAPATKAN SEMULA HUBUNGAN PERSAUDARAAN UMAT ISLAM NEGARA INI.

+BAGI UMNO WALAUPUN TERDAPAT PERBEZAAN POLITIK, ORANG ISLAM HENDAKLAH BERSAUDARA BUKAN DENGAN TUJUAN MENINDAS ORANG LAIN TETAPI KERANA PERSAUDARAN SUATU PERKARA YANG DISURUH OLEH ISLAM, KATA BELIAU.

SAMBIL MENGESALI PEMIMPIN PAS MENUDUH. KERAJAAN SEBAGAI ZALIM, BELIAU BERKATA KEZALIMAN YANG PALING BESAR IALAH MENGKAFIRKAN ORANG ISLAM YANG DILAKUKAN OLEH MEREKA SENDIRI. -- LAGI.
1558MST 24 02 86

U B624 DEB
MAHATHIR - MUZAKARAH 2 KANGAR R R R

SEMENTARA ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH MENZIARAHI SETIAUSAHA BN NEGERI INI ENCIK TAIB ISMAIL DI HOSPITAL BESAR DI SINI YANG CEDERA SETELAH TERBABIY DALAM KEMALANGAN JALAN RAYA DI KM 36 JALAN KODIANG-JITRA SEMALAM.

MEREKA MENEMUI DAN BERBUAL-BUAL DENGAN ENCIK TAIB, 56, DAN ISTERINYA PUAN AMINAH ISMAIL, 50 YANG JUGA CEDERA.

ENCIK TAIB, ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN PAYA DAN ISTERINYA SERTA PEMANDU MEREKA, ABDUL MANAF HAMID CEDERA DI BAHAGIAN MUKA DAN KEPALA.

KEMALANGAN ITU BERLAKU PADA KIRA-KIRA PUKUL 4 PETANG SETELAH KERETA YANG MEREKA NAIKI TERBABAS KE DALAM PARIT KETIKA DALAM PERJALANAN PULANG SETELAH MENYAMBUK KETIBAAN PERDANA MENTERI DI LAPANGAN TERBANG KEPALA BATAS, ALOR SETAR.

BELIAU SEPATUTNYA MENJADI JURUACARA PERHIMPUNAN RAKSASA MENYAMBUK LAWATAN DATUK SERI DR.MAHATHIR DI PADANG BANDARAN DI SINI SEMALAM.

BAGAIMANAPUN BELIAU DILAPORKAN BERANSUR PULIH. -- BERNAMA.
1603MST 24 02 86